

Pemuda Umno perangai dadah

Karnival, kempen dilancar untuk sedarkan masyarakat bahaya ketagihan

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein mahu pergerakan itu memperhebatkan usaha dan melaksanakan pendekatan lebih fokus dalam usaha menghindarkan masyarakat daripada terjebak dalam penyalahgunaan dadah.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, program itu mesti dipelbagaikan dengan mengenal pasti sasaran sama ada di kampung, skim Felda, di bandar mahupun di lorong jalan bagi menyedarkan mereka mengenai bahaya penyalahgunaan dadah.

“Kita mesti sentiasa menyampaikan mesej bahawa kita tak perlu dadah”

Hishammuddin Hussein
Ketua Pergerakan Pemuda Umno

“Walaupun mungkin ada pihak menganggap isu menangani gejala dadah adalah isu lapuk yang sudah lebih 20 tahun diperjuangkan, kita perlu terus bersemangat kerana ia adalah satu agenda penting.

“Kita akan dekati setiap lapisan masyarakat kerana dadah tidak mengenali bangsa, agama, pangkat, darjat atau kerjaya,” katanya ketika merasmikan ‘Karnival Rasa Sayang’ dan kempen antidadah di pekarangan Kompleks Sukan Bukit Jalil, di sini, malam tadi.

Hadirin dihiburkan dengan persembahan kumpulan Kristal yang membawa mesej hindari dadah. Turut hadir Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar yang juga Pengerusi Biro Membañsi Dadah Umno.

Karnival lima hari itu yang berakhir esok bertemakan ‘Sayangi Keluarga, Hindari Dadah.’

Hishammuddin berkata, Malaysia yang mahu mencapai status negara maju menjelang 2020 tidak mahu rakyatnya berdepan masalah dadah ketika itu kerana Malaysia mahu mengikut acuannya sendiri.